

08 JUN 2002

DAP-ISA

TIADA CADANGAN GUNA ISA PADA KIT SIANG, KATA ZAINAL

BUKIT MERAH, 8 Jun (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin hari ini berkata, kerajaan tidak bercadang menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pengerusi DAP Lim Kit Siang yang mengedar risalah hasutan mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Undang-undang sedia ada sudah cukup untuk menangani isu itu dan polis akan bertindak mengikut saluran sedia ada.

Zainal berkata, ISA hanya akan digunakan jika risalah itu menjejaskan keamanan dan membangkitkan perasaan tidak puas hati rakyat yang boleh menjurus ke arah rusuhan kaum.

"Polis tahu isi kandungan risalah yang diedarkan dan akan mengambil tindakan sewajarnya. ISA hanya akan digunakan selepas semua nasihat dan kerjasama yang kita minta untuk mengawal keadaan tidak diendahkan," katanya selepas merasmikan sistem pembayaran elektronik Touch'n Go di Bukit Merah Laketown Resort di sini.

Beliau mengulas tindakan polis menahan Kit Siang di Ipoh tiga hari lepas atas tuduhan mengedar risalah berunsur hasutan yang ada kaitan dengan pengumuman Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September tahun lepas.

Zainal berkata isu yang ditimbulkan oleh DAP itu bukanlah baru dan telahpun dibangkitkan di Parlimen tetapi tidak mendapat sokongan majoriti rakyat.

Ia lebih berbentuk gimik politik dan diadakan kerana parti itu sudah kehabisan modal.

"Sepatutnya DAP tunggu sehingga pilihan raya umum akan datang dan lihat sama ada pengumuman negara Islam ini diterima oleh rakyat atau tidak," tambahnya.

Zainal berkata, walaupun Malaysia sebuah negara Islam, kebebasan beragama di benarkan di bawah Perlembagaan dan tidak ada sebarang perubahan yang dilakukan sejak merdeka atau sejak pengumuman itu dibuat.

Beliau berharap DAP tidak menukar isu itu menjadi isu perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan negara.

-- BERNAMA

AR PR